

Cabaran Mencipta Punca Pertubuhan Ekonomi

oleh Dr Zulkipli Omar

Fello Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Pada tahun 2015, permintaan eksport menyumbang 8.6% kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK) benar Malaysia, berbanding dengan 9.3% pada tahun sebelumnya. Sumbangan permintaan eksport menurun disebabkan oleh kelembapan ekonomi global. Justeru, pertumbuhan ekonomi negara pada kadar 5.0% pada tahun lepas dipacu oleh permintaan domestik.

Permintaan eksport adalah mustahak untuk pertumbuhan ekonomi negara. Ini adalah kerana pergantungan kepada permintaan domestik secara berlebihan untuk memacu pertumbuhan ekonomi mempunyai kesan negatif. Pertama, ianya boleh menyebabkan peningkatan kadar inflasi hasil dari tarikan permintaan. Kedua, peningkatan hutang isi rumah juga akan meningkat sekiranya dasar galakan perbelanjaan swasta digunakan oleh kerajaan. Jadi permintaan eksport mampu meringankan tekanan terhadap permintaan domestik sebagai sumber pertumbuhan ekonomi.

Namun demikian, terdapat dua isu yang perlu ditangani berkaitan dengan pergantungan kepada permintaan eksport, sama ada dilihat dari sudut makroekonomi atau dari sudut industri atau firma. Isu pertama adalah pendedahan kepada keadaan pertumbuhan ekonomi dunia. Kelembapan ekonomi dunia mempengaruhi permintaan terhadap eksport negara. Firma-firma di dalam industri yang terlibat perlu menangani isu ini. Namun demikian isu ini merupakan isu jangka pendek, yang sering dikaitkan dengan kitaran perniagaan. Untuk menangani isu ini, firma-firma terbabit perlu sama ada meluaskan pasaran mereka di luar negara atau mempelbagaikan produk mereka, atau kedua-duanya.

Penglibatan negara di dalam perjanjian perdagangan bebas, seperti yang terbaru Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA), dilihat mampu membantu industri terlibat

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

memperluaskan pasaran mereka. Maka industri yang berkaitan perlulah menyiapkan diri mereka untuk bersaing di peringkat antarabangsa dan seterusnya merebut peluang untuk meluaskan pasaran.

Isu kedua berhubung dengan eksport negara adalah sumbangan nilai tambah yang kecil. Ini adalah kerana sebahagian besar dari barangan eksport Malaysia merupakan barangan pembuatan yang melibatkan rangkaian nilai global (GVC). Yakni, barangan siap yang dieksport oleh Malaysia terdiri dari input barangan perantaraan yang diimport. Umpamanya, barangan elektrik dan elektronik (E&E) yang menyumbangkan hampir setengah dari eksport barangan pembuatan negara adalah bergantung kepada barangan perantaraan yang diimport sebagai input kepada barangan akhir. Pembuatan barangan E&E ini memberi nilai tambah yang kecil kerana penglibatan firma-firma Malaysia di dalam jaringan GVC. Contohnya, eksport barangan semikonduktor (salah satu barangan E&E yang dieksport oleh negara) memberi pekali nilai tambah 0.359, bermakna setiap ringgit nilai eksport cuma menyumbangkan 35.9 sen kepada KDNK negara.

Isu nilai tambah yang kecil terhadap barangan eksport negara merupakan isu jangka panjang. Ianya perlu ditangani dengan melibatkan perubahan struktur pengeluaran. Menangani isu ini adalah lebih rumit untuk industri-industri terbabit. Ianya memerlukan pelaburan di dalam teknologi dan modal insan. Firma-firma terbabit perlu mendalami teknologi pengeluaran mereka ke arah mengeluarkan barangan yang berupaya menyumbangkan nilai tambah yang tinggi di dalam jaringan GVC yang mereka terlibat. Sudah tentu firma-firma perlu lebih berinovatif untuk menciptakan teknologi yang bertahap tinggi tersebut.

Berkaitan dengan peningkatan tahap teknologi ini, mendedahkan kepada cabaran kedua – peningkatan modal insan. Modal insan adalah suatu konsep yang melihat tenaga buruh mempunyai kualiti yang berbeza, berbanding dengan pendekatan tradisional yang melihat buruh sebagai homogen atau seragam. Dengan kata lain, terdapat unsur 'modal' di dalam buruh. Unsur modal ini adalah berkaitan dengan kepakaran dan pengalaman yang dimiliki oleh buruh berkenaan.

Modal insan perlu ditingkatkan selari dengan keperluan dan perkembangan teknologi. Ini mampu dicapai tidak lain adalah melalui pendidikan dan latihan. Terdapat beberapa kajian yang membuktikan bahawa sumber kepada peningkatan produktiviti adalah antara lain melalui pertumbuhan modal insan. Malahan perlu diingat, pertumbuhan modal insan bukan merupakan suatu pilihan kepada negara, tetapi merupakan suatu kemestian sekiranya kita ingin menganggotai kelab negara maju seperti yang disasarkan. Tenaga kerja di dalam ekonomi mesti tumbuh selari dengan pertumbuhan teknologi yang perlu untuk pertumbuhan ekonomi. Jika tidak, ekonomi kita akan berkisar pada tahap yang sama, tidak berupaya melonjak ke tahap yang lebih tinggi.

Kadang-kadang situasi ini dikaitkan dengan perangkap pendapatan sederhana, di mana ekonomi tidak mampu melonjak keluar dari pendapatan sederhana ke tahap pendapatan tinggi. Dari sudut industri, ianya berkaitan dengan isu firma-firma berada di zon selesa dan tidak merasa keperluan untuk berubah. Di dalam persekitaran global yang lebih terbuka dan kompetitif, lama kelamaan firma yang enggan untuk berubah akan menjadi tidak relevan.

Berbalik kepada isu pembentukan modal insan, kita sering mendengar tentang ketidaksepadanan di antara permintaan dan penawaran terhadap pekerja mahir. Sering kedengaran majikan merungut tentang graduan yang tidak mempunyai kepakaran yang mereka inginkan. Dan pada masa yang sama pengangguran graduan menjadi satu fenomena. Isu ketidaksepadanan ini perlu ditangani dengan teliti.

Pendekatan yang pragmatik adalah dengan membawa kepada kesepakatan dari sudut penawaran dan permintaan. Pertama sekali, perlu disepakati di antara sudut penawaran, yakni institusi pendidikan, dan sudut permintaan, yakni majikan, tentang sempadan di antara pendidikan dan latihan. Tugas institusi pendidikan adalah untuk mendidik bakal pekerja, manakala majikan bertanggungjawab untuk melatih pekerja mereka mengikut keperluan. Justeru, institusi pendidikan tidak wajar dibebankan dengan mengeluarkan graduan yang seratus peratus selari dengan kehendak majikan.

Namun demikian, pihak institusi pendidikan perlu juga untuk mendapatkan input dari industri untuk membina kurikulum untuk memastikan kerelevanan kandungan kursus. Kaedah ini telah pun diterapkan di dalam keperluan untuk mendapatkan akreditasi

untuk kursus-kursus yang ditawarkan oleh institusi pendidikan tinggi oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Jadi, isu ketidaksepadanan tidak harus timbul.

Perlu juga diingat bahawa kebolehan berbahasa Inggeris yang sering dikaitkan dengan kompetensi bakal pekerja mungkin keterlaluan. Tidak dinafikan bahawa kebolehan berbahasa Inggeris mempunyai merit tersendiri, namun jauh lebih penting adalah kebolehan berfikir. Inilah cabaran utama yang perlu digalas oleh institusi pendidikan untuk membina kurikulum yang mampu mentransformasikan pelajar ke tahap kebolehan yang tinggi mampu menangani kedinamikan keperluan industri.

Justeru penglibatan industri di dalam proses transformasi modal insan ini adalah penting untuk pertumbuhan ekonomi yang lebih mapan. Penglibatan tersebut melalui dua peringkat. Pertama, bersama-sama menggubal kurikulum yang relevan bersama institusi pendidikan. Kedua, melalui latihan berterusan yang merupakan proses pembelajaran sepanjang hayat. Pihak industri perlu meletakkan penglibatan peringkat kedua ini sebagai keutamaan sekiranya kita ingin membentuk masyarakat yang mempunyai pembangunan modal insan yang tinggi. Justeru, industri perlu mencipta peluang pekerjaan yang berkemahiran tinggi untuk menyerap para graduan yang berpotensi untuk digilap. Jika tidak, mungkin kita akan menghadapi isu pelarian intelektual (*brain drain*) di masa akan datang.